

Dedah penuntut UTHM dandanan diri sesuai



Peserta Program Dandanan Diri anjuran UTHM dan Kemas bergambar setelah program selesai.

BATUPAHAT-Keterampilan diri yang sempurna mampu menaikkan keyakinan diri terutama bila berhadapan masyarakat umum.

Pengajar Subjek Kokurikulum (Sastera Urban) Pendidikan Wanita, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Madya Nafisah@Kamariah Kamaruddin berkata, atas dasar itu, pihaknya menganjurkan Kursus Dandanan Diri 2015, baru-baru ini.

Katanya, wanita muda perlu mengetahui kaedah dandanan diri masing-masing, agar sesuai dengan keadaan.

“Di dalam satu-satu majlis, kehadiran individu yang mengenakan pakaian dan

dandanan diri menarik sudah tentu menjadi sebutan.

“Sebab itu saya adakan program yang memberi penerangan kepada penuntut UTHM tentang kesesuaian pakaian, solekan, serta keterampilan diri mereka,” katanya.

Kursus itu merupakan kerja amali pelajar yang mengambil subjek Pendidikan Wanita, dan mendapat kerjasama Kemas serta Kelab Kecergasan Jelita Parit Raja.

Sementara itu, Pegawai Pembangunan Masyarakat (Kemas) Johor, Norliza Sujak kagum dengan komitmen pihak UTHM menganjurkan program sedemikian.

Katanya, bukan sahaja memeringkatkan bidang akademik,

keterampilan diri turut diajar agar setiap individu tampil yakinkan di khalayak.

“Saya lihat walaupun program ini kali pertama diadakan secara bersama, ia mempunyai banyak kebaikan dan pihak Kemas sendiri menggalakkannya dijadikan program tahunan,” katanya.

Dalam pada itu, penerima anugerah peserta paling berketerampilan, Syahirah Ahmad Suhaimi, 19, berkata, dia ikut serta untuk mengukur tahap pandangan orang ramai terhadap dirinya.

“Saya diberi penghargaan dengan tema pakaian sesuai di majlis rasmi dan santai, saya pakai baju kurung yang sesuai untuk apa juar majlis,” katanya.